

22 FEB 1996

Serenti (Laporan khas)

RAWATAN PENAGIHAN DADAH -- PERJUANGAN MENGECEWAKAN

Oleh: Abdul Aziz Harun

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Seorang penduduk di wilayah Utara pernah mempersoalkan alasan di sebalik pembinaan sebuah pusat serenti di kawasannya yang menelan belanja berjuta-juta ringgit untuk penagih dadah.

Mengapakah penagih dadah perlu dibantu sedangkan masih ramai golongan lain yang hidup melarat tidak boleh dibantu, kata beliau.

Pendapat penduduk berkenaan diperolehi semasa Kementerian Dalam Negeri menjalankan kajian mengenai pembinaan pusat serenti berkenaan.

Timbalan Ketua Bahagian Rawatan dan Pemulihan di kementerian itu, Mohid Mohamad berkata rata-rata golongan masyarakat bertanya mengapa penagih perlu diberi rawatan sedangkan mereka sendiri tidak mahu dirawat atau dalam ertikata lain mereka sendiri yang "mencari penyakit".

Kajian menunjukkan hanya 35 peratus daripada pelatih di pusat serenti berkenaan yang berjaya dipulihkan setelah tamat tempoh sesi rawatan manakala 40 peratus lagi kembali menagih dan selebihnya "hilang begitu sahaja".

Tempoh dua tahun di Pusat Serenti itu sememangnya lebih daripada mencukupi untuk menghilangkan ketagihan. Yang menjadi tanda tanya sesudah itu ialah berapa lamakah bekas pelatih dapat bertahan dan mengelakkan diri daripada kembali kepada tabiat lama.

Kejadian terbaru 128 pelatih Pusat Serenti Karangan di Kulim merusuh dan membakar lima blok bangunan pusat itu sebelum melarikan diri baru-baru ini menyedarkan pihak berkuasa bahawa usaha dan wang ringgit yang dibelanjakan selama ini tidak begitu berjaya.

Ekoran kejadian itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob mengakui malu menjadi pengerusi PEMADAM manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata usaha memulihkan penagih selama ini gagal sedangkan perbelanjaan untuknya adalah tinggi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut kecewa apabila ada yang mendakwa kononnya tindakan pelatih melarikan diri berpunca daripada keadaan tidak selesa di pusat-pusat serenti.

Menurutnya pembinaan pusat serenti sememangnya bukan bertujuan menyediakan tempat tinggal yang selesa.

Seorang pegawai rawatan dadah berkata pemulihan penagihan memerlukan semangat kental menerusi latihan keras.

"Setiap tahun kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memulihkan para penagih yang 70 peratus daripada mereka enggan untuk dipulihkan dengan sukarela," katanya.

Masalah yang sering diutarakan mengenai Pusat Serenti ialah kesesakan yang membuatkan pihak berwajib terutama polis menjadi serba salah.

Pegawai Kementerian Dalam Negeri merumuskan bahawa perjuangan merawat penagih sebagai perjuangan yang mengelirukan umpama tidur dengan kain selimut yang tidak cukup panjang -- ditarik ke atas untuk memanaskan kepala yang sedang sakit akibat ketagihan, kaki di bawah merungut mengapa dia yang bekerja keras untuk sesuap nasi tidak diendahkan. -- BERNAMA

AZH MAI